

Headline	Empat tapak warisan diangkat untuk diiktiraf		
MediaTitle	Utusan Borneo Sabah		
Date	06 Sep 2018	Color	Black/white
Section	General News	Circulation	12,502
Page No	A7	Readership	37,506
Language	Malay	ArticleSize	105 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 213
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 640



## Empat tapak warisan diangkat untuk diiktiraf

EMPAT tapak warisan; Taman Negara, Royal Belum di Gerik, Perak, Permatang Kuarza di Gombak, Selangor dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), kini dalam senarai menunggu sebelum diangkat ke Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa Bersatu (Unesco).

Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Muhammad Bakhtiar Wan Chik berkata ia adalah bagi mengisytihar tapak tersebut sebagai Tapak Warisan Dunia Unesco dalam usaha melindungi biodiversiti dan keistimewaan tapak-tapak itu yang punya nilai warisan dan sejarah.

“Kita ada 69 tapak warisan kebangsaan, yang mana kita bekerjasama dengan kerajaan negeri untuk mengenal pasti kawasan atau tapak yang mempunyai nilai sejarah dan warisan supaya diwartakan sebagai special area plan (perancangan kawasan khas) agar tidak terdedah kepada mana-mana pembangunan,” katanya ketika sesi soal jawab lisan pada Sidang Dewan Negara, Rabu.

Beliau menjawab soalan tambahan Senator Datuk Fahariyah Md Nordin yang ingin tahu usaha kerajaan melindungi bangunan dan tapak warisan di negara ini.

Muhammad Bakhtiar berkata kementeriannya menerusi Jabatan Warisan Negara juga turut bekerjasama dengan agensi dan universiti yang menjalankan penyelidikan untuk mengenal pasti tapak yang boleh dijadikan tapak warisan kebangsaan sebelum diangkat dan diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia Unesco.

- Bernama